

D.R. 19/2013

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013.

Pengesahan dan tanggung rugi

2. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Fi 1951 [*Akta 209*], fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Muzium Malaysia berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012 hendaklah disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang sedemikian telah dibawa, dimulakan atau disenggarakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungut seperti yang dinyatakan dalam Akta ini boleh dibuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991, iaitu tarikh fi itu mula dipungut, hingga 11 Jun 2012, iaitu hari sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012 [*P.U. (A) 173/2012*]. Fi itu telah dipungut oleh Jabatan Muzium Malaysia dan telah dibayar ke dalam Akaun Amanah Jabatan Muzium Malaysia. Walau bagaimanapun, fi yang dikenakan dan dipungut itu tidak diwartakan di bawah Akta Fi 1951 melalui suatu Perintah Fi yang sepatutnya dibuat dan dijadikan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1991.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2870]